



GARIS PANDUAN KEPADA PEMILIK ANJING DAN KUCING SEMASA TEMPOR PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

(Berdasarkan Peruntukan Seksyen 24 Akta Kebajikan Haiwan 2015)

1. Pemilik anjing / kucing dilarang meninggalkan haiwan kesayangan mereka di rumah bersendirian tanpa penjaga.
2. Pemilik anjing / kucing hendaklah mendapatkan khidmat penginapan dan penjagaan haiwan di pusat penginapan haiwan jika pemilik haiwan meninggalkan kediaman mereka.
3. Pemilik anjing / kucing yang meninggalkan kediaman mereka dan memberi tanggungjawab kepada penjaga untuk menjaga anjing / kucing hendaklah mendapatkan surat kebenaran daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) yang berdekatan.
4. Pemilik atau penjaga yang diberi tanggungjawab menjaga anjing / kucing ini hendaklah mematuhi keperluan yang diperuntukkan mengikut Seksyen 24 Akta Kebajikan Haiwan 2015.
5. Keperluan yang perlu dipatuhi oleh pemilik atau penjaga untuk menjaga anjing/ kucing sepanjang tempoh PKP:
 - 5.1 Keperluan kepada persekitaran yang sesuai
 - menyediakan tempat tinggal dan persekitaran yang sesuai dan selamat daripada ancaman bahaya serta tidak dibenarkan dilepas bebas / berkeliaran.
 - 5.2 Keperluan diet yang sesuai
 - memastikan makanan dan minuman kepada haiwan kesayangan mereka mencukupi serta bersesuaian dengan jenis makanan anjing / kucing.
 - 5.3 Keperluan untuk membolehkannya mempamerkan corak kelakuan semula jadi
 - Aktiviti anjing / kucing di luar rumah tidak dibenarkan tetapi corak kelakuan semula jadi anjing / kucing itu tidak boleh dihalang asalkan aktiviti haiwan dilakukan di kawasan pemilik anjing / kucing.

- 5.4 Keperluan untuk ditempatkan bersama dengan atau berasingan dengan haiwan lain
- Anjing / kucing mempunyai anak yang masih menyusu, pastikan anak dan ibu ditempatkan bersama.
 - Anjing / kucing yang berpenyakit tidak boleh diletakkan bersama walau pun spesies haiwan yang sama kerana dikhuatiri mendapat jangkitan penyakit.
 - Anjing / kucing yang dikhuatiri boleh bergaduh hendaklah ditempatkan berasingan.
- 5.5 Melindungi anjing / kucing daripada kesakitan, penderitaan, kecederaan dan penyakit.
- Pemilik / penjaga boleh mendapatkan rawatan di klinik haiwan kesayangan yang berdekatan sekiranya anjing / kucing mengalami sakit atau luka yang teruk atau dalam kecemasan.
 - Pemilik / penjaga boleh menghubungi DVS yang berdekatan bagi tujuan khidmat nasihat.
6. Pemilik atau penjaga anjing / kucing hendaklah mematuhi semua syarat-syarat Majlis Keselamatan Negara (MKN).
7. Pengabaian anjing / kucing oleh pemilik.
- 7.1 Jika pemilik mengabaikan anjing / kucing, Pegawai Kebajikan Haiwan (PKH) boleh mengambil milik haiwan tersebut yang berkemungkinan akan menderita jika haiwan tersebut tidak di ambil milik, sebagaimana peruntukan di bawah Seksyen 34 (3)(4)
- 7.2 Pegawai Kebajikan Haiwan (PKH) boleh mengalihkan haiwan tersebut ke satu tempat selamat, menjaga haiwan tersebut dan mengaturkan supaya ia di jaga samada di premis dimana haiwan diletakkan atau ditempat lain yang sesuai, sebagaimana peruntukan dibawah Seksyen 34 (6).
- 7.3 Berasaskan peruntukan di bawah Seksyen 35 (1) Pegawai Kebajikan Haiwan boleh dengan perintah mahkamah, samada;
- a. Menyerahkan hak milik haiwan kepada mana-mana orang lain
 - b. Mengarahkan haiwan tersebut di jual
 - c. Mengarahkan haiwan tersebut di lupuskan.
8. Garis Panduan ini adalah terpakai sepanjang tempoh pelaksanaan PKP.